

SUKAN ASIA INDONESIA

Kepulangan pasukan silat dirai



Foto BH oleh LIN ZHAOWEI

KETIBAAN pesilat negara di Terminal 2 Lapangan Terbang Changi petang semalam disambut dengan kegembiraan, kebanggaan, dan juga rasa terharu, oleh anggota keluarga dan penyokong (*gambar*).

Walaupun tiada kilauan emas, sukan silat yang diperkenalkan buat kali pertama dalam sejarah Sukan Asia, berjaya merangkul dua pingat perak dan tiga gangsa dan menyumbang kepada kiraan pingat Singapura di acara sukan tersebut.

Sekalipun berdepan dengan pelbagai cabaran, termasuk keputusan juri yang disifatkan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alau'ddin Yaacob Marican sebagai "yang paling teruk dalam sejarah silat Singapura", aksi atlet negara memang wajar dibanggakan.

Secara keseluruhannya, skuad pencak silat negara ini meraih dua perak menerusi Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin dalam pertandingan akhir

Kelas I (85-90kg) dan Nurzuhairah Yazid, yang mendapat tempat kedua dalam acara seni tunggal puteri.

Tiga pingat gangsa negara diperolehi Sheik Farhan Sheik Alau'ddin menerusi tanding kelas J (90-95 kilogram); Siti Khadijah Mohd Shahrem menerusi tanding puteri kelas C (55-60 kilogram); dan Nurul Shafiqah Mohd Saiful menerusi acara tanding puteri kelas B (50-55 kilogram).

Laporan lanjut di Muka 17.

JUMAAT, 31 OGOS 2018 (19 ZULHIJAH 1439)